

UM - 7 NOV 2001

Kumpulan Ekonomi Asia Timur ilham PM akhirnya ditubuhkan

timbul apabila pemimpin ASEAN membuat pendirian untuk meningkatkan dagangan antara sesama anggota dan tidak boleh lagi bergantung dengan negara-negara lain.

"Kita juga perlu tumpukan kerjasama ASEAN dengan negara rakan China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN+3) kerana ini mempunyai potensi untuk mengurangkan bahagian dagangan kita dengan Amerika Syarikat.

"Ternampak Amerika menjadi rakan dagangan yang terbesar kepada ASEAN dan juga China, Jepun dan Korea Selatan dan mereka berpendapat ini tidak begitu sihat kerana jika sesuatu berlaku kepada Amerika Syarikat ekonomi semua akan terjejas," katanya.

Hari ini ASEAN mengadakan mesyuarat dengan setiap tiga negara rakan Asia Timurnya itu dalam apa yang dikenali sebagai ASEAN+1. Mesyuarat ke-5 ASEAN+3 berakhir semalam.

Dr. Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan pemberita adakah Malaysia menawarkan diri sebagai sekretariat atau urus setia bagi kumpulan ASEAN+3. Buat masa ini Indonesia menjadi tuan rumah bagi Sekretariat ASEAN dan Singapura bagi Sekretariat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC). Dalam pada itu, seorang pegawai ASEAN memberitahu *Utusan*, selepas ini istilah yang akan digunakan tidak lagi EAEG atau EAEC, sebaliknya ialah Sidang Kemuncak Asia Timur (East Asia Summit). Dengan wujudnya sidang kemuncak ini juga, istilah ASEAN+3 juga akan digugurkan kerana fungsinya adalah sama dengan sidang tersebut.

Sekretariat yang dicadangkan di Kuala Lumpur itu perlu diwujudkan supaya Kumpulan Kajian Asia Timur (EASG) dapat menjalankan kajian ke atas rangka kerja ke arah mereali-

alisasikan sidang kemuncak itu.

Ditanya adakah penubuhan EAEG ini akan mendapat tentangan semula daripada AS, beliau berkata, pentadbiran AS kini adalah berbeza.

"Sekarang ialah pentadbiran Bush (Presiden George W. Bush) dan bukan Clinton (Bill Clinton) dan bantahan tidak sekuat dulu. Dulu kerana bantahan itu, Jepun dan Korea Selatan sangat keberatan untuk menyertainya dan sekarang Korea sendiri yang sokong.

Pendirian

"Korea menegaskan secara khusus jika negara-negara Eropah mempunyai Kesatuan Eropahnya (EU) dan Amerika Syarikat dengan Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA), kita di Asia Timur perlu mempunyai pertubuhan serantau kita sendiri," katanya.

Jepun pula, katanya tidak membantah tetapi agak sesela dengan ASEAN+3. ASEAN+3 mengandungi 10 negara-negara ASEAN dan tiga negara kuasa ekonomi Asia Timur. ASEAN dan tiga rakannya itu mempunyai pasaran ekonomi membabitkan kira-kira dua bilion pengguna.

Mengenai sekretariat itu, Dr. Mahathir berkata "kita mahu menjadi tuan rumah jika boleh."

"Saya fikir sekretariat itu perlu mengadakan penyelarasan dan memberi tumpuan terhadap subjek tertentu. Misalnya, jika ada satu persidangan antarabangsa mengenai perdagangan dan kewangan kita akan boleh mengadakan pertemuan dan menentukan pendirian kita dan pandangan kita supaya kita boleh mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam forum antarabangsa."

Mengenai sama ada sekretariat itu akan ditubuhkan

secara serta-merta, Dr. Mahathir berkata, cadangan mengenai penubuhan sekretariat itu telah pun diterima dan butiran lanjut berhubung sekretariat itu akan dibincangkan di peringkat para pegawai.

"Ta hanya satu cadangan daripada ketua kerajaan dan sudah tentu belum ada lagi butiran terperinci mengenainya," kata beliau.

Cadangan

Semalam, cadangan mengenai penubuhan sekretariat ASEAN+3 itu telah dikemukakan oleh Dr. Mahathir pada Sidang Kemuncak ASEAN dengan rakan-rakannya dari China, Jepun dan Korea Selatan.

Menurut Dr. Mahathir lagi, Presiden Korea, Kim Dae-Jung, khususnya mahu ASEAN+3 mencari sebuah kumpulan dan beliau turut mencadangkan kumpulan itu mengadakan sidang kemuncaknya.

Katanya, beliau fikir semua pihak kini minat melihat EAEG ditubuhkan.

Dalam lain perkataan, katanya, semua pihak akan balik kepada cadangan asal EAEG dan ini adalah hasil daripada kajian yang dijalankan setelah ia diilhamkan 10 tahun lalu.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata secara keseluruhannya pertemuan antara pemimpin anggota ASEAN dan ASEAN dengan tiga rakan Asia Timur itu amat berguna kerana dengan China para pemimpin berbincang berhubung kerjasama antara kedua-dua pihak.

Kerjasama itu ialah berhubung pembentukan Kawasan Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN-China.

Katanya, dengan jumlah penduduk berjumlah 1.7 bilion ia akan menjadi satu kawasan pertumbuhan ekonomi yang menguntungkan. — *Utusan*